

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 27.5.2015

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah graduan yang masih tidak mempunyai apa-apa pekerjaan dari tahun 2010 hingga Januari 2015. Sejauh manakah perancangan Kementerian dalam membantu pelajar di peringkat sekolah memilih kursus-kursus yang sesuai bagi menyambung pelajaran di universiti yang mengikut kehendak pasaran pekerjaan pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dijalankan kepada graduan tahun 2013 dan 2014 semasa konvokesyen, didapati bahawa peratusan graduan yang telah bekerja, menunggu penempatan pekerjaan, meningkatkan kemahiran dan melanjutkan pengajian ialah 75 peratus bagi tahun 2013 diikuti oleh 75.1 peratus bagi tahun 2014. Kajian yang sama juga mendapati bahawa 25 peratus graduan pada tahun 2013 dan 24.9 peratus graduan pada tahun 2014 masih tidak bekerja semasa konvokesyen. Responden kajian adalah daripada kalangan graduan Institusi Pendidikan Tinggi Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sehubungan itu, Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) yang menggunakan tagline “JOM MASUK U” merupakan program tahunan bagi memotivasikan dan mendidik para pemohon untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi di dalam negara. Usaha ini diyakini dapat membantu pemohon membuat pilihan program yang tepat dan sesuai dengan pencapaian akademik dan kokurikulum. Penganjuran KPTN merupakan aktiviti utama dalam mendekati masyarakat secara Pusat Sehenti (**One-Stop Centre**) bermaklumat untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga terdapat inisiatif Pendidikan Kerjaya Murid (E-Profil Kerjaya) bagi setiap murid. Inisiatif ini mempunyai Profil Kerjaya Individu yang memberi maklumat tentang minat dan kecenderungan murid dalam menentu hala tuju mereka selepas meninggalkan alam persekolahan. Peranan pendidikan kerjaya murid di sekolah ini adalah di bawah tanggungjawab Unit Bimbingan dan Kaunseling. Guru Bimbingan dan Kaunseling akan menjalankan aktiviti pendidikan kerjaya seperti Pentaksiran Psikometrik dalam komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Ceramah Kerjaya, Lawatan Kerjaya, Sesi Kaunseling Kerjaya, Karnival Kerjaya dan lain-lain lagi. Semua aktiviti dan program ini akan membantu pelajar di peringkat sekolah memilih kursus yang sesuai bagi menyambung pelajaran di universiti yang mengikut kehendak pasaran pekerjaan pada masa kini.